



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN SIKAP, MOTIVASI DAN LATAR BELAKANG PELAJAR
SAINS TULEN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
BAHASA MELAYU**

MOHD NOR C. LAH

FPP 1998 32

**HUBUNGAN SIKAP, MOTIVASI DAN LATAR BELAKANG PELAJAR SAINS
TULEN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
BAHASA MELAYU**

Oleh

MOHD NOR C. LAH

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan
Ijazah Master Sains Di Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia**

JUN 1998



PENGHARGAAN

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurniaNya jua akhirnya tesis ini dapat disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dengan penuh rasa rendah diri, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyeliaan yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Zakaria Kasa (pengerusi), Prof. Abdul Hamid Mahmood dan Dr. Ab. Rahim Bakar kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) khususnya Bahagian Perjawatan, Institut Latihan Kakitangan dan Bahagian Pelajaran Menengah MARA kerana memberi peluang dan kerjasama kepada penulis untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Master Sains.

Terima kasih juga ditujukan kepada Pengetua MRSM di Kuala Terengganu, Kuala Berang, Kuantan, Beseri, Muar dan Jasin kerana kerjasama daripada guru-guru dan pelajar dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan diucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pendidikan, UPM, rakan-rakan program Master Sains dan kepada sesiapa sahaja yang menyumbang dan membantu dalam menyempurnakan tesis ini.



Juga kepada teman sebilang selama belajar di UPM ini saudara Mohd Kassim Hj. Ibrahim dan teman seperjuangan dalam program ini saudara Ustaz Rosli Arup dan Jusang yang jasa dan budi mereka tetap dalam ingatan penulis. Juga kepada Puan Rohani di Fakulti Pendidikan, UPM yang banyak memberi maklumat dan sedia mendengar keluhan.

Akhir sekali, kepada Cik Jarah, Che Din, Che Nuar dan Cik Jana yang telah memberi inspirasi dan dorongan kepada penulis supaya terus gigih dalam mengejar ilmu.

Kepada semua, penulis mengabadikan tesis ini.



DAFTAR KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	ix
ABSTRAK.....	x
ABSTRACT.....	xii
BAB	
I PENDAHULUAN.....	1
Latar Belakang.....	1
Pernyataan Masalah.....	7
Objektif Kajian.....	8
Kepentingan Kajian.....	10
Batasan Kajian.....	12
Definisi Istilah.....	13
Motivasi.....	13
Pencapaian Akademik.....	13
Sikap.....	14
II SOROTAN LITERATUR.....	15
Sikap Dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik.....	15
Jantina dan Latarbelakang Keluarga Serta	
Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik.....	20
Motivasi dan Kaitannya Dengan Pencapaian Akademik.....	23
Kerangka Konseptual.....	26
III METODOLOGI KAJIAN.....	29
Pendahuluan.....	29
Rekabentuk Kajian.....	29
Populasi dan Persampelan.....	30
Instrumentasi Kajian.....	33
Soalselidik.....	33
Ujian Khas Kertas 1 dan 2.....	34
Kertas 1.....	36
Kertas 2.....	36
Minat Terhadap Bahasa Melayu.....	37
Kesahan Dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran.....	38
Pengumpulan Data.....	39
Analisis Data.....	40



IV DAPATAN KAJIAN	42
Profil Responden.....	42
Sikap Responden Terhadap Subjek BM.....	49
Motivasi Responden Terhadap Subjek BM.....	51
Hubungan Di Antara Sikap dan Motivasi Dengan Pencapaian Akademik.....	55
Pencapaian Responden Dalam Ujian Khas BM.....	57
Perbezaan Antara Pendapatan Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik.....	57
Perbezaan Antara Pendapatan Keluarga Terhadap Motivasi Dalam Subjek BM.....	59
Perbezaan Antara Pendapatan Keluarga Terhadap Sikap Dalam Subjek BM.....	60
Perbezaan Motivasi Terhadap Subjek BM Berdasarkan Jantina.....	61
Perbezaan Pencapaian Akademik Dalam Subjek BM Berdasarkan Jantina.....	62
Perbezaan Sikap Terhadap Subjek BM Berdasarkan Jantina.....	63
V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	64
Rumusan.....	64
Perbincangan	69
Cadangan.....	74
Bibliografi	76
LAMPIRAN	
A Soalselidik.....	82
B Ujian Khas Kertas I.....	89
C Ujian Khas Kertas 2.....	91
D Cadangan Ahli-Ahli Panel Penyemak Kesahan Soalselidik...	106
E Cadangan Ahli-Ahli Panel Penyemak Kesahan Ujian Khas...	108
F Taburan M.R.S.M dan Pelajarnya.....	110
G Surat Kebenaran MARA Membuat Kajian.....	112
BIODATA PENULIS	113



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Taburan Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina.....	42
2	Taburan Bilangan dan Peratus Pekerjaan Bapa Responden.....	43
3	Taburan Bilangan dan Peratus Pekerjaan Ibu Responden.....	44
4	Taburan Bilangan dan Peratus Pendapatan Keluarga Responden.....	45
5	Taburan Bilangan dan Peratus Latarbelakang Penguasaan BM Responden.....	46
6	Taburan Bilangan dan Peratus Kemudahan Pembelajaran BM.....	47
7	Taburan Bilangan dan Peratus Minat Responden Terhadap BM.....	48
8	Sikap Responden Terhadap Subjek BM.....	49
9	Motivasi Responden Terhadap Subjek BM.....	52
10	Motivasi Instrumental, Motivasi Integratif dan Motivasi Secara Keseluruhan.....	54
11	Interpretasi Dalam Analisis Hubungan / Korelasi...	55
12	Hubungan Di Antara Pembolehubah.....	56
13	Korelasi Pearson Antara Sikap Dengan Motivasi Responden Dalam Subjek BM.....	56
14	Ujian ANOVA Bagi Kumpulan Pendapatan Keluarga Terhadap Pencapaian Akademik.....	58
15	Ujian ANOVA Bagi Kumpulan Pendapatan Keluarga Terhadap Motivasi.....	59

16	Ujian ANOVA Bagi Kumpulan Pendapatan Keluarga Terhadap Sikap.....	60
17	Ujian-t Bagi Motivasi Terhadap Subjek BM Berdasarkan Jantina.....	61
18	Ujian-t Bagi Pencapaian Akademik Berdasarkan Jantina.....	62
19	Ujian-t Bagi Sikap Terhadap Subjek BM Berdasarkan Jantina.....	63



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Perkaitan Antara Pembolehubah-Pembolehubah.....	28
2	Taburan MRSM di Semenanjung Malaysia.....	32



SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

1	BM	=	Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia
2	KBSM	=	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
3	K1	=	Kertas Satu
4	K2	=	Kertas Dua
5	LPM	=	Lembaga Peperiksaan Malaysia
6	MJSC	=	MARA Junior Science College
7	MRSM	=	Maktab Rendah Sains MARA
8	PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
9	SES	=	Status Sosio Ekonomi
10	SPBMMA	=	Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Menengah Atas
11	SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
12	SPSS	=	The Statistical Package for The Social Sciences
13	UPM	=	Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN SIKAP, MOTIVASI DAN LATAR BELAKANG
PELAJAR SAINS TULEN DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK
BAHASA MELAYU**

Oleh

MOHD NOR C. LAH

JUN 1998

Pengerusi Prof Madya Dr Zakaria Kasa

Fakulti Pengajian Pendidikan

Banyak kajian telah dijalankan dalam usaha untuk melihat hubungan pencapaian akademik pelajar dengan faktor-faktor lain baik di sekolah harian biasa atau di sekolah berasrama penuh. Justeru itu tujuan kajian ini dijalankan, adalah untuk memperjelaskan sejauhmana hubungan sikap, motivasi dan latar belakang pelajar sains tulen tingkatan lima di MRSM memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka dalam subjek BM Data dikumpul melalui soalselidik dan Ujian Khas BM Kertas 1 dan Kertas 2 mengikut format dan sukatan pelajaran peringkat Sijil Pelajaran Malaysia bagi menilai sejauhmana pencapaian mereka dalam subjek BM Data dianalisis dengan menggunakan

\



program The Statistical Package for Social Science (SPSS version 6.0). Kajian ini mendapati sikap para pelajar MRSM terhadap subjek BM tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik mereka dalam subjek tersebut. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam pencapaian akademik mereka dalam subjek BM.

Dapatan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan antara kumpulan gaji yang berlainan di kalangan keluarga pelajar dengan pencapaian akademik. Antara cadangan yang dapat diperakukan di sini ialah (1) Pelajar MRSM mesti memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan menulis bagi mendapat markah yang cemerlang dalam subjek BM (2) Bilangan pelajar lelaki dan perempuan mesti seimbang agar aktiviti bahasa dalam kelas dapat dikongsi bersama-sama di samping dapat mempertingkatkan hubungan di antara mereka.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in partial fulfilment of the requirements for the degree of
Master of Science

**THE RELATIONSHIP BETWEEN ATTITUDE, MOTIVATION AND
BACKGROUND OF PURE SCIENCE STUDENTS IN RELATION
TO THEIR ACADEMIC ACHIEVEMENT
IN BAHASA MELAYU**

By

MOHD NOR BIN C. LAH

JUNE 1998

Chairperson Associate Professor Dr Zakaria Kasa

Faculty Faculty Of Educational Studies

Many researches have been done in the positive spirit to see the relationship between the students' academic performance and other factors, be it in boarding schools or day schools. With that intent mentioned above, this research has, thus, been carried out. This research aims to explain how far the attitude, motivation and background of form five science students in MJSC affect their academic performance in BM. Data have been gathered via (1) a set of prepared questionnaires and (2) a special BM Test on paper one and paper two which conform to SPM syllabus. These two different tests aim at identifying their actual ability in this subject.

The data are analysed using The Statistical Package For Social Science Programme (SPSS version 6.0). This research reveals that MJSC students' attitude towards BM does not have a significant relationship with their



academic achievement in this particular subject. The finding also amplifies a significant difference between the male and female students in their academic achievement for BM. The finding shows a significant difference between people from various income brackets with students' academic performance. It is thus recommended that (1) MJSC students must give serious emphasis to reading and writing skills to attain excellent mark in BM (2) the number of students in class must be even to enable language activities be shared, this will also enhance the relationship among the students.



BAB I

PENDAHULUAN

Latar belakang

Bahasa Melayu (BM) mempunyai kedudukan yang istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan sebagaimana termaktub dalam Perkara 152 yang menegaskan bahawa:

Bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen:

- Dengan syarat bahawa –
- (a) tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain; dan
 - (b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menyentuh hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri bagi memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan.

(Perlembagaan Persekutuan 1996: 221)

Sehubungan dengan itu BM telah dijadikan subjek penting dalam sistem pendidikan di Malaysia sama ada di peringkat rendah dan menengah. Abdul Hamid Mahmood (1993) menyatakan bahawa BM dalam pendidikan bermaksud penggunaan BM sebagai satu mata pelajaran dan melihat peranan BM sebagai bahasa pengantar ilmu dalam sistem pendidikan negara.



Justeru itu pelajar terpaksa menghadapi pembelajaran BM secara intensif untuk memperolehi keputusan yang cermerlang. Hal ini menjadi lebih ketara apabila dalam pengiraan agregat untuk penentuan pangkat pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), gred BM diutamakan (Kementerian Pendidikan, Penentuan Pangkat SPM, 1995). Jika pada peringkat SPM pelajar tidak mencapai tahap memuaskan dalam subjek BM, maka dia tidak layak untuk diberikan pangkat satu. Fenomena ini sebenarnya memberi cabaran kepada guru-guru BM agar kaedah dan pendekatan dalam pengajaran mereka dapat dipertingkatkan sesuai untuk memenuhi keperluan di atas.

Sebagai bahasa perpaduan, BM diharapkan dapat dikuasai oleh semua golongan masyarakat Malaysia dengan sempurna dan berkesan. Bahasa Melayu sebagai wahana perpaduan berperanan untuk menyuburkan rasa bangga dan prihatin dalam jiwa masyarakatnya terutama melalui pengucapannya yang baku dan betul serta penggunaannya yang tepat mengikut wacana yang sesuai.

Justeru itu masyarakat Malaysia telah bersedia dan menerima serta mempraktikkan penggunaan BM dalam kehidupan seharian terutama dalam perhubungan antara kaum dalam pelbagai situasi bagi menonjolkan citra Malaysia yang sebenarnya.

Mengikut Juriah Long (1992) hakikat yang ternyata dalam huraian tentang kedudukan BM dalam abad mendatang ialah BM akan menjadi bahasa pengantar ilmu dari segi perbendaharaan kata dan istilah mahupun dari segi

tatabahasanya Bahasa itu juga akan digunakan sebagai bahasa pengantar budaya

Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Menengah Atas, Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 (Kementerian Pendidikan, 1987, 1992) subjek ini menekankan kepada kecekapan-kecekapan berbahasa sebagai fenomena utama dalam pembelajaran bahasa. Setiap pelajar sama ada dalam aliran sains atau sastera perlu menguasai kecekapan-kecekapan berbahasa sebelum mereka mampu menduduki peperiksaan SPM.

Bahasa Melayu adalah subjek yang menekankan kepada aspek-aspek kemahiran dan kecekapan berbahasa yang melibatkan kebolehan bertutur, menulis, membaca, mengolah dan berkomunikasi berdasarkan bahan-bahan bahasa dengan baik, tepat dan berkesan. Sebaliknya setiap pelajar MRSM terpaksa mengikuti jurusan sains tulen yang sesuai dengan kelulusan mereka di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Matlamat kurikulum di MRSM ialah untuk mencapai kecermerlangan akademik, keseimbangan sahsiah, kecenderungan keusahawanan dan kecergasan fizikal untuk mewujudkan pelajar yang mempunyai daya pemikiran yang kritis, kreatif, terbuka, sihat, luas dan mendalam serta mempunyai semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi (Bahagian Pelajaran Menengah MARA, Prospektus MRSM 1994/95: 16).

Tugas guru di sini ialah untuk menyampaikan pelbagai maklumat dan kecekapan berbahasa kepada pelajarannya. Dalam apahal sekalipun memang tidak dapat dinafikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa dipengaruhi

oleh pelbagai teori pemerolehan bahasa itu sendiri Mengikut Azman Wan Chik (1982), teori pemerolehan bahasa yang paling terkenal ialah Teori Behaviorisme dan Kod-Kognitif Teori Behaviorisme mengaitkan konsep dengar dan tutur dalam penguasaan bahasa Bahasa hanya dapat dikuasai melalui latihan Semua bentuk pembelajaran bahasa mestilah berlandaskan rangsangan dan gerakbalas Sesuatu gerakbalas itu berlaku dengan adanya rangsangan Justeru itu mengikut pendapat Zulkifly Hamid (1994), penguasaan sistem bahasa sama ada fonologi atau sintaksis di kalangan kanak-kanak adalah hasil langsung daripada perkembangan sistem kognitif dan kemajuan interaksi psiko-sosio kanak-kanak tersebut dengan persekitaran di mana mereka wujud

Teori Kod-Kognitif menjelaskan tingkahlaku seseorang itu adalah hasil daripada pemikirannya yang berupaya untuk menyimpan, mengolah, mencerna dan mengingat semula sesuatu yang dipelajarinya berdasarkan pemerhatian terhadap sesuatu objek, peristiwa atau apa saja yang melanda pancainderanya Dengan ini mengikut Azman Wan Chik (1982), nyatalah teori ini menekankan bahawa pemerolehan bahasa adalah satu proses yang dilakukan secara sedar

Dalam konteks hari ini kedua-dua teori ini dapat diselaraskan untuk melicinkan pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam kelas terutamanya dalam usaha untuk menangani pelbagai gaya dan rencam pelajar dalam usaha untuk menguasai bahasa Guru-guru seharusnya memahami kedua-dua teori ini dan cuba melihat fenomena ini secara objektif bagi melahirkan kesan yang

positif terutamanya semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam kelas.

Sehubungan dengan itu model Teori Bahasa dan Pengajaran Bahasa oleh Yalden (1987) amat sesuai untuk diadaptasikan oleh guru-guru BM di dalam kelas. Ia menekankan kepada pelbagai teori bahasa yang wujud dan hubungkaitnya dengan pelbagai kecekapan bahasa yang hendak diajar oleh guru di dalam kelas.

Di samping itu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam kelas guru-guru mesti menguasai teori pembelajaran bahasa yang ada hubungannya dengan keberkesanan pengajaran bahasa dan sekaligus dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa. Memang menjadi kebiasaan guru-guru yang mengajar bahasa melihat kemampuan berbahasa pelajar mereka melalui beberapa aspek kemahiran bahasa seperti lisan dan penulisan yang dapat dikesan semasa pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan di dalam kelas. Jelaslah dalam hal ini teori bahasa dan teori pembelajaran bahasa saling memerlukan dalam memberi kesan yang optimum dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Teori pemerolehan bahasa ini juga ada hubungkaitnya dengan dorongan dan sikap di dalam diri seseorang pelajar untuk menguasai bahasa. Teori-teori ini sebenarnya menjelaskan tentang tindakbalas dan kekuatan minda memainkan peranan penting dalam penguasaan bahasa di kalangan pelajar. Justeru itu teori pemerolehan bahasa ini ada kaitan langsung dengan penguasaan bahasa di kalangan pelajar.

Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) diwujudkan adalah bertujuan untuk meningkatkan jumlah pelajar-pelajar bumiputera dalam aliran sains. Siti Zaharah Sulaiman (1975), menyatakan di samping memberi peluang kepada pelajar-pelajar Melayu yang miskin di luar bandar melanjutkan pelajaran, MRSM juga memberi penekanan utama kepada subjek sains, matematik, teknikal dan subjek lain yang berkaitan MRSM hanya memberi penekanan yang lebih terhadap pembelajaran subjek sains dan subjek yang berkaitan dengannya sahaja

Pelajar-pelajar MRSM menghadapi kesukaran dan kelambatan dalam menyelesaikan banyak latihan yang diberikan oleh guru di dalam kelas Pada kebiasaannya latihan-latihan ini tidak dapat disiapkan dalam masa yang diperuntukkan oleh guru mereka terutamanya semasa kelas berjalan Akhirnya banyak latihan bahasa yang tertunda dan hal ini mengganggu perancangan dan kelicinan pengajaran untuk satu-satu masa pengajaran Justeru itu masalah ini kemungkinan membawa kepada kelambatan untuk menghabiskan dan menyelesaikan program pengajaran tahunan yang ditetapkan oleh pihak guru di MRSM Mengikut Abdul Razak Ismail dan Isahak Ramly (1991) keadaan di atas akan menjejaskan penguasaan BM yang bermutu berdasarkan kepada sistem dan gaya bahasa yang indah

Penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti bahasa di dalam dan di luar kelas membimbangkan guru di MRSM Mereka kurang berminat untuk menonjolkan diri dalam pelbagai aktiviti bahasa di dalam kelas Permasalahannya di sini ialah ketidakpercayaan diri mereka terhadap

penguasaan BM sebagai bahasa ibunda mereka sendiri. Di samping itu ia kemungkinan berhubungan dengan motivasi dalam diri pelajar yang tidak didorong sewajarnya untuk menonjolkan ketrampilan bahasa melalui pelbagai aktiviti bahasa. Oleh itu pihak maktab sukar untuk melihat bakat dan kebolehan pelajar dalam aktiviti bahasa, drama, pantun, puisi dan syair. Seterusnya bakat dan kreativiti pelajar akan malap dan hilang di peringkat awal lagi dalam sistem pendidikan negara.

Pelajar MRSM agak kurang berdaya saing di kalangan mereka dalam meningkatkan dorongan dan tanggapan mereka terhadap subjek BM sebagai subjek wajib untuk pengiraan agregat dalam peperiksaan SPM. Masalah ini berkemungkinan membawa kepada pandangan mereka bahawa BM boleh dipelajari pada saat-saat akhir sekadar untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan. Subjek BM sebenarnya dirangka untuk tujuan dua tahun pengajian, iaitu pada peringkat tingkatan empat dan lima.

Pernyataan Masalah

Pada dasarnya apabila melihat pencapaian akademik pelajar MRSM dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia saban tahun ramai menganggap ia seharusnya cemerlang kerana MRSM ialah sebuah maktab berasrama penuh. Dalam menjamin kecemerlangan pencapaian akademik banyak faktor lain yang mempunyai hubungan dengannya. Faktor-faktor inilah sebenarnya yang perlu dijelaskan di sini supaya ia mudah diterima dan difahami apabila

melihat hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar MRSM. Antara faktor yang sering dihubungkan dengan pencapaian akademik para pelajar terutamanya dalam subjek BM ialah sikap, motivasi dan latarbelakang keluarga pelajar yang merupakan persoalan yang perlu diteliti dan diselidiki agar pihak maktab dan pelajar dapat memanfaatkan sepenuhnya situasi ini ke arah meningkatkan pencapaian akademik mereka di MRSM.

Oleh yang demikian timbul persoalan adakah pencapaian akademik pelajar MRSM dalam subjek BM mempunyai hubungannya dengan faktor-faktor tersebut? Atau adakah pelajar MRSM telah mempunyai sikap, motivasi dan latarbelakang yang setara dalam pembelajaran mereka di MRSM? Justeru itu perlu ada kajian untuk memahami apakah yang berlaku terhadap sikap, motivasi dan latar belakang pelajar MRSM dalam hubungannya dengan pencapaian akademik mereka dalam subjek BM

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapatnya hubungan antara motivasi, sikap dan latar belakang keluarga dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar sains tulen dalam subjek BM di MRSM

Justeru itu beberapa persoalan kajian dikemukakan untuk mencapai objektif tersebut

- (1) Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan pencapaian akademik mereka dalam subjek BM
- (2) Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik pelajar dalam subjek BM
- (3) Apakah ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan motivasi pelajar dalam subjek BM
- (4) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapatan keluarga dengan pencapaian akademik pelajar dalam subjek BM
- (5) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara motivasi dengan pendapatan keluarga pelajar dalam subjek BM
- (6) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap dengan pendapatan keluarga pelajar dalam subjek BM
- (7) Apakah terdapat perbezaan pencapaian akademik antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam subjek BM
- (8) Apakah terdapat perbezaan motivasi antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam subjek BM
- (9) Apakah terdapat perbezaan sikap antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam subjek BM

Kepentingan Kajian

Pada hakikatnya kajian ini sangat penting kepada beberapa pihak yang dapat dinyatakan seperti di bawah:

- (1) Bahagian Pelajaran Menengah MARA
- (2) Ketua Jabatan Bahasa
- (3) Guru-guru BM di MRSM
- (4) Seluruh warga MRSM di seluruh negara

Bahagian Pelajaran Menengah MARA merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap masalah yang berlaku di peringkat maktab terutamanya yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran BM diberi perhatian segera dan mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Dalam hal ini adalah diharapkan hasil daripada kajian ini dapat dijadikan panduan untuk menentukan kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran BM untuk masa akan datang di MRSM.

Ketua jabatan bahasa merupakan orang yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan setiap matlamat dan misi jabatan dapat dicapai dengan sempurna. Justeru itu hasil kajian ini membantu mereka untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran BM di kalangan pelajar yang mempelajari BM di dalam kelas dan cuba mengambil beberapa langkah yang wajar untuk meningkat pencapaian pelajar dalam subjek ini.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa guru-guru BM merupakan golongan yang terlibat secara langsung dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Guru-guru BM seharusnya mendapat manfaat yang lebih hasil daripada kajian ini dan dapat menjadikannya sebagai panduan untuk mendekati dan menyemarakkan semangat pelajar untuk terus mempelajari BM dan menguasai beberapa kecekapan yang penting seperti kecekapan menulis dan mengolah isi-isi sebelum mereka berhadapan dengan masyarakat luar yang pelbagai ragam dan citarasanya. Hasil kajian ini dijangka dapat menolong guru-guru BM untuk merangka jadual pengajaran harian dan tahunan mereka berdasarkan matlamat yang harus dicapai pada akhir tahun dengan berlandaskan kepada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Menengah Atas (SPBMMA).

Sememangnya seluruh warga MRSM di seluruh negara memberi sumbangan yang bermakna dalam memastikan kejayaan anak-anak mereka yang sedang mengikuti pembelajaran di sana. Justeru itu hasil kajian ini akan menampakkan kepada mereka beberapa masalah yang harus ditangani bersama terutamanya jika matlamat kecemerlangan akademik menjadi impian kita semua. Ibumama akan mendapat maklum balas yang jelas tentang pembelajaran anak-anak mereka dalam subjek ini dan boleh merancang strategi masa depan untuk kecemerlangan akademik anak-anak mereka.